



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



EKOSISTEM

KONDUSIF

SEKTOR

AWAM

PRAKTIKAL

MESRA

BERSIH

SELESA



e-Buletin EKSA 2022

Politeknik METrO Betong Sarawak

EDISI
KETIGA

JULAI HINGGA
DISEMBER
2022

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

e - BULETIN EKSA	1
KATA ALUAN PENGARAH	2
SIDANG REDAKSI	3
E-BULETIN EKSA 2022 EDISI KETIGA JULAI - DISEMBER	4
SINGKATAN PERKATAAN	5
TIP AMALAN HIJAU	6
PENGAMALAN DALAM KALANGAN STAF	11
CABARAN EKSA	13
ANUGERAH PENGLIBATAN DALAM E-BULETIN EKSA	14
MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK EKSA BIL.2/2022	15
GAYA HIDUP HIJAU	17
LANGKAH MENUJU BANGUNAN HIJAU	19
INISIATIF KEARAH BANGUNAN HIJAU	20
KELEBIHAN REKAAN BANGUNAN HIJAU	21
KESEDARAN AMALAN EKSA DIKALANGAN	22
CARI PERKATAAN EKSA	23
KESAN AMALAN EKSA DALAM KEHIDUPAN HARIAN	24
PERTANDINGAN INOVASI & KREATIVITI EKSA 2022	26
GOTONG-ROYONG EKSA	32
MESYUARAT PEMBUKAAN & PENUTUPAN AUDIT	36
EKSA BIL.2/2022	
PENEMUAN & PENAMBAHBAIKAN	37
RUJUKAN	40
PENUTUP	41

e-Buletin EKSA

Politeknik METrO Betong Sarawak

Edisi Ketiga, 2022

Copyright © Politeknik METrO Betong Sarawak

e ISSN : 2948-3840

<https://www.pmb.s.edu.my/v3/index.php/muat-turun/penerbitan/category/22-e-bulletin?download=127:e-buletin-eksa-edisi-ke-3>

Published by :
Politeknik METrO Betong Sarawak
I-12, Fasa 2, Bandar Baru Betong,
Jalan Baru Betong,
95700, Betong, Sarawak.

KATA ALUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya, penerbitan e-Buletin dapat diteruskan terbitan bagi edisi ke-3 bagi tahun 2022.

Edisi ke-3 menghimpunkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti EKSA sepanjang bulan Julai hingga Disember. Antara aktiviti yang telah berjaya dijalankan adalah seperti gotong-royong, taklimat dan pertandingan inovasi EKSA. Tahniah dan Syabas diucapkan buat semua warga PMBS yang telah merealisasikan segala program EKSA yang telah dirancang sepanjang tahun 2022.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih buat ahli jawatankuasa yang telah bekerja keras dalam merealisasikan penerbitan ini. Semoga penulisan ini akan memberi manfaat kepada para pembaca.

Mengakhiri tahun 2022 ini, saya percaya dengan yang kita lalui sepanjang tahun ini, menjadikan kita lebih bersyukur, matang dan lebih komited dalam melaksanakan EKSA. Semoga tahun 2023 yang bakal menyusul akan memberikan kita kehidupan yang lebih baik. Insya Allah.

Selamat berkarya dan selamat membaca.

Encik Suhaili bin Aleh

Pengarah
Politeknik METrO Betong Sarawak



SUHAILI BIN ALEH
Pengarah
Politeknik METrO Betong Sarawak

SIDANG REDAKSI



PENAUNG

Encik Suhaili Bin Aleh

"E-Buletin EKSA edisi ke-3 merupakan himpunan koleksi aktiviti EKSA di PMBS di sepanjang bulan Julai hingga Disember 2022. E-Buletin ini juga dijadikan sebagai medium untuk menyampaikan informasi yang membawa kebaikan terhadap alam sekitar kita, yang juga berkait rapat dengan aktiviti EKSA yang dijalankan"



PENASIHAT

Puan Siti Syuhaila Binti Zahari



"Alhamdulillah, jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam penghasilan Penerbitan E-Buletin EKSA, dengan harapan E-Buletin EKSA ini dapat memberi kesedaran kepada kita akan kepentingan amalan EKSA dalam kehidupan seharian kita."

EDITOR 1

Encik Abdul Fattah Bin Hamden

"Amat besar harapan saya dalam penerbitan E-Buletin EKSA ini agar saya dapat menyampaikan informasi terkini bagi menyedarkan kita semua akan hubungkait amalan EKSA dengan amalan hidupan kita seharian. Diharap agar pembaca akan sentiasa peka dan boleh mengubah kebiasaan yang asal kepada kebiasaan yang disarankan dalam EKSA"



EDITOR 2

Cik Fazidah Binti Sahadan



"Saya ingin mengucapkan beribu terima kasih kepada sokongan yang diberi dalam menjayakan Buletin EKSA 2022 ini, kejayaan itu adalah refleksi daripada usaha dan bakat."

EDITOR 3

Encik Patrick Jopris Aro

"Ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menghasilkan Buletin EKSA 2022 ini. Pelbagai maklumat dan paparan grafik yang menarik untuk edisi kali ini, ianya memberikan manfaat di dalam kehidupan seharian kita."



GRAFIK & SENI REKA

Encik Lernerdo Ak John French Udin



Kerjasama yang berterusan menghasilkan buah yang mengharumkan, begitu juga kita yang menghasilkan buletin EKSA ini. Terima kasih semua.

TERBITAN & EDARAN

Puan Evelyn Anak Frankling Tegik

E-BULETIN **EKSA** **2022**

POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK
EDISI KETIGA
JULAI - DISEMBER 2022





SINGKATAN PERKATAAN

PMBS

• Politeknik METrO Betong Sarawak

EKSA

• Ekosistem Kondusif Sektor Awam

5S

• Sisi, Susun, Sapu, Seragam Dan Sentiasa Amal

E-POSTER

• Poster Elektronik

Bil.

• Bilangan

MAMPU

• Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia




TIP AMALAN HIJAU

PENJIMATAN ELEKTRIK

Sumber : <http://e-tenaga.blogspot.com/p/penjimatan-tenaga>

01 Elektrik



TUKAR LAMPU

Jika anda masih menggunakan lampu mentol yang berwarna kuning, tukarlah kepada lampu kalimantang (fluorescent) . Ianya bukan sahaja menjimatkan elektrik, malah lampu fluorescent ini mempunyai jangka hayat sehingga 10 tahun lamanya dan ianya juga menghasilkan haba yang sedikit

GUNAKAN KIPAS

Angin dapat menurunkan sedikit suhu bilik dalam beberapa darjah celsius. Cuma jangan lupa untuk menutup kipas apabila anda keluar bilik. Ingat, kipas untuk menyejukkan badan anda, bukannya menyejukkan bilik.

MENCABUT PLUG

Gajet seperti pengecas telefon bimbit dan microwave oven menghauskan tenaga elektrik, selagi mana ia disambungkan ke soket elektrik. Alat elektrik yang tidak digunakan dan dibiarkan dalam keadaan standby akan menggunakan lebih kurang 5%-10% dari jumlah bil elektrik bulanan anda. Jadi, sentiasa pastikan alat elektrik yang tidak digunakan ditutup suisnya.

PENJIMATAN AIR

<https://twitter.com/jasmalaysia/status/1252444292636794881/photo/1>

02

Air



TANDAS

- Gunakan tandas yang mempunyai keupayaan curahan yang rendah (contohnya memilih sistem curahan yang berkeupayaan sebanyak 6 liter atau kurang) atau letakkan sebotol air ke dalam tangki curahan untuk mengurangkan air yang dicurah.
- Kurangkan kekerapan curahan dalam sehari.
- Sentiasa melakukan pemeriksaan untuk mengenal pasti sebarang kebocoran.

SINGKI

- Jangan biarkan air mengalir ketika mencuci muka, menggosok gigi atau bercukur. Cara terbaik ialah menggunakan air di dalam bekas.
- Baiki sebarang paip yang bocor atau yang sentiasa menitiskan air.

KEMPEN HIJAU

sumber : <https://www.rmp.gov.my/program-pdrm/amalan-hijau-pdrm/strategi-membudayakan-amalan-hijau>

03 Hijau



- Mengutamakan produk dan perkhidmatan hijau. Memberi keutamaan kepada produk dan perkhidmatan hijau
- Mengurangkan penggunaan produk yang mengandungi bahan kimia atau bertoksik di dalam aktiviti pembersihan atau pencucian pejabat;
- Menggantikan lampu yang rosak dengan lampu yang jimat tenaga seperti Compact Fluorescent Lamp (CFL), lampu tiub T5, Induction Light dan Light Emitting Diode (LED); dan
- Elakkan penggunaan polisterin sebagai pembungkus makanan dan menggalakkan pembungkus makanan yang mesra alam

PENETAPAN

Sumber : <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2019/03/543746/tips-penggunaan-pendingin-hawa-semasa-cuaca-panas>

04

Suhu optimum



Antara langkah-langkah menjimatkan penggunaan tenaga, terutama pendingin hawa yang mudah dipraktikkan di pejabat adalah seperti berikut :

- Melaraskan suhu sistem pendingin hawa di antara 24 ke 26 darjah celsius.
- Menukar atau membersihkan penapis pendingin hawa dengan kerap untuk memaksimumkan potensi penyejukan unit berkenaan. Penapis yang kotor menghalang edaran udara dan mengurangkan kecekapan pendingin hawa.
- Menyenggara pendingin hawa secara kerap juga boleh membantunya beroperasi pada tahap optimum.
- Menutup semua pintu dan tingkap serta lubang edaran udara untuk memastikan udara sejuk tidak keluar dari bilik.




PENGAMALAN DALAM KALANGAN STAF

Apa kata staf PMBS ?



- Meletakkan pokok di meja kerja seperti bonsai atau kaktus dapat membantu memberikan ketenangan kepada saya dan dapat mengurangkan stres akibat kerja.
- Menatap pokok yang diletakkan di meja kerja atau di dalam pejabat akan mewujudkan jarak pemisah berkaitan tekanan kerja .



EMILYN NOJEN



MEJA LIEW JAN FUI



MEJA NORFAIREZA AKIL

Cabaran EKSA

Anda diberi masa selama 1 minit



ANUGERAH PENGLIBATAN DALAM E-BULETIN EKSA

29 JULAI 2022 | JUMAAT



Sidang redaksi e-Buletin EKSA telah menerima Anugerah penulisan dan penerbitan dalam Majlis Perhimpunan Bulanan PMBS kali ke-3. Puan Siti Syuhaila Binti Zahari telah menerima sijil mewakili seluruh ahli jawatan kuasa e-buletin EKSA. Dalam majlis ini, Pengarah PMBS, Encik Suhaili bin Aleh telah berpesan kepada semua warga PMBS agar sentiasa memelihara persekitaran kerja yang positif serta menjaga keharmonian dan kesihatan jiwa.

Beliau juga turut mengucapkan tahniah kepada semua penerima anugerah hari ini dan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa yang telah bertungkus lumus menyiapkan e-buletin. Bidang penulisan kreatif penting sebagai satu daripada wadah dalam membentuk kemahiran insaniah warga PMBS.

MESYUARAT JAWATANKUASA

INDUK EKSA BIL.2/2022



14 OKTOBER 2022

MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK EKSA BIL. 2/2022

14 OKTOBER 2022 | JUMAAT

Mesyuarat ini telah diadakan pada 14 Oktober 2022 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama dan dipengerusikan oleh Penyelaras EKSA PMBS, Cik Farah Nadia Binti Mohd Hasnu. Turut hadir bersama didalam mesyuarat ini adalah Timbalan Pengarah, Encik Mohd Shahrir Bin Ahmad Zaini, Puan Siti Syuhaila Binti Zahari, Fasilitator EKSA, Agnes Anak Buda, JK Juruaudit EKSA, Encik Abdul Fattah Bin Hamden, Ketua Promosi EKSA, Puan Evelyn Anak Frangklin Tegik, Ketua Zon A, Puan Emilyn Anak Nojen, Wakil Ketua Zon B dan Encik Patrick Jopris Aro, JK Promosi.



Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk mendapat maklumbalas berkaitan aktiviti yang telah dirancang sepanjang tahun 2022. Hasil mesyuarat menunjukkan bahawa 90% aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan. Selain itu, isu berbangkit yang timbul adalah kawasan awam yang kini menjadi kawasan tumpuan merokok bagi kakitangan PMBS dan pelajar. Oleh itu, mesyuarat telah memutuskan untuk mewujudkan kawasan merokok khas buat kakitangan PMBS


manakala pelajar tidak dibenarkan untuk merokok dikawasan PMBS. Seterusnya dari segi penambahbaikan EKSA, mesyuarat telah memutuskan untuk melaksanakan penambahbaikan melalui dapatan audit dalam yang telah dilaksanakan pada bulan Mei tahun hadapan.

Akhir sekali, mesyuarat bersetuju untuk mengekalkan pengamalan EKSA yang sedia ada dan memberi tumpuan kepada penambahbaikan yang perlu dilakukan.

GAYA HIDUP HIJAU

KEPENTINGAN mengamalkan amalan hijau telah di dedahkan dikalangan rakyat Malaysia semenjak dahulu lagi akibat selalu terjadinya pencemaran teruk dan bencana alam yang kerap berlaku seperti banjir kilat, tanah runtuh dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun, kesedaran akan kepentingan mengamalkan gaya hidup hijau masih belum diterapkan di dalam diri di antara kita dan perkara ini masih di anggap remeh oleh beberapa golongan yang tidak bertanggungjawab.



Tanpa kita sedari, amalan hidup hijau telah pun kita lakukan sejak dari kecil lagi, samada di rumah ataupun di sekolah. Kita telah diajar untuk tidak membuang sampah di merata tempat, kita juga di ajar untuk sentiasa mematikan suis elektrik sekiranya tidak digunakan.

Selain daripada alasan ibubapa atau guru dimana penggunaan elektrik yang tidak terkawal boleh menyebabkan bil melambung naik, dalam tidak sedar kita juga mengawal pelepasan GHG (Green House Gas) yang menyebabkan pemanasan global.



GAYA HIDUP HIJAU

Green Lifestyle

Gaya hidup hijau adalah sebuah gaya hidup yang lestari yang diamalkan oleh individu ataupun komuniti dalam memberi keseimbangan kepada kehidupan seharian dengan mengambil kira kelestarian alam semulajadi.

Amalkan 5 Langkah Gaya Hidup Hijau

Amalan Kitar Semula



- Mengamalkan 3R (reduce, reuse & recycle)
- Kitar semula sisa buangan bahan dapur dan sisa makanan

Hindari Plastik Sekali Guna



- Mengamalkan amalan Reusable Bag
- Gunakan botol yang boleh digunakan semula

Kurangkan Penggunaan Elektrik



- Menggunakan peralatan elektrik yang cekap tenaga
- Menggunakan apabila ada keperluan sahaja

Menggunakan Air Dengan Cermat



- Menggunakan apabila ada keperluan sahaja
- Menggunakan air hujan untuk menyiram tanaman

Mengamalkan Gaya Hidup Lestari



- Memelihara alam sekitar
- Berkongsi kenderaan ke satu destinasi yang sama
- Ambil nota secara elektronik



Kesedaran mengamalkan gaya hidup yang sihat juga berkait secara tidak langsung dalam kita mengamalkan gaya hidup hijau. Contohnya hanya berjalan kaki ke tempat yang dituju seperti dari pejabat ke tempat makan disekitar kawasan pejabat. Trend berbasikal juga merupakan salah satu gaya amalan hijau dimana basikal tidak mengeluarkan gas karbon yang berbahaya kepada alam sekitar.

LANGKAH MENUJU BANGUNAN HIJAU




TREND bangunan hijau dikalangan pembangun merupakan salah satu langkah bagi mengawal pemanasan melampau di kawasan bandar. Jika sebelum ini bandar-bandar besar seperti New York dan China di panggil sebagai ‘concrete jungle’ di mana pembangunan bangunan-bangunan tinggi tumbuh dengan pesatnya.

Melalui kajian yang telah dibuat, terdapat pendapatan iaitu cara untuk mengawal daripada suhu bumi semakin meningkat dan sekaligus memberi kesan yang baik dalam menghadapi pemanasan global dalam jangka masa yang panjang.

INISIATIF KEARAH BANGUNAN HIJAU

Antara inisiatif yang telah dilakukan untuk menuju kearah bangunan hijau adalah :



- Urban farming
- Penanaman tumbuh-tumbuhan melalui hydroponik / Aeroponik
- Penggunaan papan solar

- Penggunaan 'nano tinted' pada cermin bangunan (mengelakkan haba masuk ke dalam bangunan dan keadaan dalam bangunan lebih terang)



KELEBIHAN REKAAN **BANGUNAN HIJAU**

- Dapat menjimatkan penggunaan elektrik dan air.
- Pelaburan yang sangat berbaloi pada masa yang panjang.
- Menjadi pilihan pembeli kerana bangunan hijau merupakan trend terkini.
- Dapat menyelamatkan bumi dengan mengawal pengeluaran gas berbahaya (GHG).



KESEDARAN AMALAN EKSA DI KALANGAN PELAJAR



GO
green
week

Di Politeknik METrO Betong Sarawak, amalan EKSA telah diperkenalkan kepada semua pelajar bermula dari Minggu Transformasi Siswa. Taklimat diberikan oleh pensyarah yang bertauliah dalam EKSA.


Kesedaran ini harus di pupuk dari awal lagi untuk menjadikan EKSA ini bukan sahaja amalan di kampus, tetapi juga di rumah sewa atau rumah di kampung masing-masing.

Para pelajar juga merupakan medium utama untuk menyampaikan amalan EKSA kepada komuniti sekaligus menyebarkan ilmu berkenaan dengan kepentingan amalan EKSA dalam kehidupan seharian.

Selain daripada itu, amalan EKSA juga dapat menerapkan rasa bertanggungjawab di kalangan pelajar untuk memastikan mereka boleh menimba ilmu di tempat yang bersih, selesa dan kondusif.



CARI PERKATAAN EKSA



N	F	J	D	V	H	K	T	S	E	L	E	S	A
B	B	E	R	K	U	A	L	I	T	I	L	Y	E
J	C	T	H	G	L	D	F	K	J	H	S	A	R
R	M	G	J	H	K	S	G	L	K	G	D	P	O
D	B	B	P	J	J	A	H	J	L	F	F	O	P
M	E	S	R	A	H	Z	J	H	P	D	G	I	O
A	R	S	O	I	G	X	K	G	O	S	H	U	N
B	S	Z	D	P	R	A	K	T	I	K	A	L	I
S	I	F	U	Q	F	C	O	F	I	S	H	Y	K
D	H	J	K	W	D	V	N	D	U	A	J	T	L
K	X	R	T	E	S	B	D	S	Y	Z	K	R	K
H	V	E	I	R	A	N	U	A	T	X	L	E	J
F	E	O	F	T	X	M	S	Q	R	C	M	W	H
E	I	E	N	T	F	H	I	J	A	U	N	Q	G
C	J	A	K	I	S	A	F	W	E	V	B	A	F
N	U	H	Y	D	R	O	P	O	N	I	K	S	D

1. Praktikal
2. Mesra
3. Bersih
4. Selesa
5. Kondusif

6. Produktif
7. Berkualiti
8. Hijau
9. Aeroponik
10. Hydroponik

KESAN AMALAN EKSA DALAM KEHIDUPAN HARIAN



AMALAN EKSA dalam kehidupan harian adalah langkah pertama yang harus di ambil oleh setiap orang dalam menuju ke arah penjagaan bumi kita.

Kesan dalam jangka masa pendek seperti yang kita nampak, setelah mengamalkan amalan EKSA di dalam kehidupan harian kita, kita dapati keadaan dipersekitaran kita lebih kemas dan teratur.

Hal ini memberi kesan terdapat produktiviti kita dalam kehidupan kita di mana pekerjaan yang kita lakukan lebih tersusun dan teratur.

Selain daripada itu, keadaan persekitaran kita juga lebih bersih berbanding keadaan mereka yang tidak mengamalkan amalan EKSA. Amalan EKSA banyak membantu kita mengubah kebiasaan dalam kehidupan harian kita ke arah yang lebih baik.

KESAN AMALAN EKSA DALAM KEHIDUPAN HARIAN



Kesan dari dalam jangka masa yang panjang pula boleh di lihat atas kesan kepada bumi kita di mana amalan EKSA juga mengamalkan penjimatan tenaga seperti elektrik dan juga air. Tanpa kita sedari, penjimatan elektrik dapat membantu bumi kita mengawal pemanasan global di mana pengeluaran GHG (greenhouse gas) yang menyebabkan lapisan ozon menipis dapat dikurangkan.

Antara kesan jangka masa yang boleh dijangka adalah, pengurangan pemanasan global, paras air laut tidak meningkat secara cepat, bencana alam tidak akan berlaku dengan kerap dan juga pencemaran udara akan dapat dikawal dengan lebih baik.

Akan tetapi, kesan yang baik hanya akan berlaku sekiranya ada kerjasama dari semua pihak dalam menangani masalah alam kini. Tanpa kerjasama dari semua pihak, keadaan Bumi akan menjadi semakin parah dan yang akan terkesan adalah kita sendiri.

TEMA MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN KUALITI KERJA WARGA PMBS



POLITEKNIK MALAYSIA
METRO BETONG, SARAWAK

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

1st Anniversary

PERTANDINGAN INOVASI & KREATIVITI EKSA 2022

TEMA:
MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN KUALITI KERJA WARGA PMBS

PRAKTIKAL MESRA BERSIH SELESA

PENYERTAAN ADALAH WAJIB

Tarikh Akhir Penghantaran Inovasi: 25/11/2022

<https://sites.google.com/pmbs.edu.my/eksaombs/home>

POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK

EKSA

SEMPENA bulan INOVASI EKSA 2022 yang bertemakan “**MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN KUALITI KERJA WARGA PMBS**” satu pertandingan inovasi telah diadakan sepanjang bulan November 2022.

Setiap kumpulan **WAJIB** menghantar inovasi masing-masing sebelum 25 NOVEMBER 2022.

Setelah berjayanya pertandingan inovasi dan kreativiti eksa 2022 ini dijalankan, beberapa keputusan telah dianugerahkan kepada pemenang mengikut kategori.

Penilaian keputusan adalah berdasarkan tema iaitu: Meningkatkan Produktiviti dan Kualiti Kerja Warga PMBS.

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI & KUALITI KERJA WARGA PMBS

25 NOVEMBER 2022 | JUMAAT




Pemenang Saguhati : BAMBOO BIJOUX atau Double B merupakan sebuah produk hiasan yang berasaskan buluh dan barangan terpakai yang diilhamkan bagi menyahut seruan EKSA di dalam slot go green. Produk ini merupakan produk mesra alam dan boleh digunakan sebagai perhiasan dan tempat untuk menyimpan alat tulis. Produk ini juga mudah di bawa kemana sahaja dan kelihatan begitu cantik dan elegan.

Produk yang menarik ini didatangkan khas dengan beg berbentuk briefcase yang kecil dari bahan buluh yang didalamnya merangkumi:

1. Tempat Penyimpanan alat tulis yang diperbuat daripada buluh.
2. Tempat penyimpanan alat tulis yang diambil dari tempurung kelapa tua.

Kesimpulannya, produk ini merupakan sebuah produk yang pertama di pasaran di mana ia boleh di bawa kemana sahaja dan sangat ringan.

Produk ini juga sangat kompak dan boleh diletakkan di mana sahaja dan memudahkan bagi mereka yang sering berpindah randah.



MENINGKATKAN PRODUKTIVITI & KUALITI KERJA WARGA PMBS

25 NOVEMBER 2022 | JUMAAT



Pemenang Saguhati : Key Track

Penggunaan QR Kod bukanlah satu kaedah yang luarbiasa masa kini. Namun jika ia dapat menggantikan cara konvensional kepada cara yang lebih sistematik maka ianya di anggap sebagai satu penambahbaikan di dalam sesuatu pengurusan di tempat kerja.

Selama ini para pensyarah PMBS perlu menulis butiran peminjaman atau penggunaan kunci bilik kuliah di buku log yang disediakan di dalam bilik Ketua Jabatan Akademik. Kaedah ini tidak sistematik kerana ianya membazir kertas, masa dan wang ringgit.

Oleh itu, dengan adanya KEY TRACKER ianya dapat membantu menjimatkan kos kerana tidak perlu menggunakan helaian kertas yang banyak untuk menulis. Para pensyarah hanya perlu scan pada QR kod yang disediakan dan mengisi butiran mereka. Masa utk mengisi juga dapat dijitamkan iaitu jika menulis secara manual di buku log ianya mengambil masa sekitar 2-3 min. Manakala dengan menggunakan sistem KEY TRACKER hanya mengambil masa antara 30 saat ke 1 minit sahaja.

Di samping itu juga, pemantauan peminjaman & pemulangan kunci juga akan lebih mudah iaitu hanya akses melalui sistem di dalam komputer dan bukannya mencari satu persatu muka surat di dalam buku log.

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI & KUALITI KERJA WARGA PMBS

25 NOVEMBER 2022 | JUMAAT


Pemenang Pertandingan Inovasi EKSA Tempat Ketiga:

"I KNOW WHO TOOK THE KEY"


Tujuan inovasi ini dilakukan bagi memudahkan semua untuk mengetahui dengan cepat siapakah gerangan yang meminjam kunci.



Tidak perlu lagi merujuk baris demi baris dalam buku log untuk mengetahui gerangan yang meminjam kunci. Tiada lagi whatapps yang berpusu-pusu masuk dalam group akademik bertanyakan siapakah yang meminjam kunci sekian-sekian. Dengan cara ini kita dah tahu siapa yang meminjam kunci yang kita hendak, sebelum ini



Poket untuk diletakkan foto dinomborkan untuk memudahkan dan mempercepatkan cara simpan dan ambil.



Poket yang telah siap diisi dengan foto staf akademik dan pentadbiran.

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI & KUALITI KERJA WARGA PMBS

25 NOVEMBER 2022 | JUMAAT

Pemenang Pertandingan Inovasi EKSA Tempat kedua:

PELEKAT PENENTU TEMPAT (PPT)

Pelekat Penentu Tempat (PPT) adalah pelekatan yang dilekatkan kepada kerusi dan meja di dalam bilik kuliah PMBS. Terdapat 4 buah bilik kuliah yang dilengkapi aset alih iaitu 30 buah meja dan 30 buah kerusi.

Bagi memastikan aset aset dalam bilik kuliah tidak bertukar di antara bilik-bilik berkenaan, maka pelekatan ini digunakan untuk mengenalpasti aset tersebut adalah milik bilik kuliah yang telah ditetapkan. Contoh pelekatan warna kuning adalah aset bilik kuliah 4.

Bilik	No. Meja	Warna
BK3	101	Kuning
BK4	102	Hijau
BK5	103	Kuning
BK6	104	Pink

Objektif PPT

Antara objektif dan rasional penggunaan PPT adalah:

Kelebihan PPT

1. Memastikan penempatan segala aset tersusun rapi
2. Memudahkan pengesanan aset alih
3. Mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh keperluan EKSA

Bahan PPT:

Pelekat berwarna

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI & KUALITI KERJA WARGA PMBS

25 NOVEMBER 2022 | JUMAAT

TAHNIAH!

Johan untuk Pertandingan Inovasi EKSA:

SEVEN MINUTE TOILET

Lampu “**SEVEN MINUTE TOILET**” di PMBS akan terpasang secara automatik tanpa perlu tekan suis. Lampu ini dilengkapi dengan pengesan pergerakan yang akan menghidupkan lampu secara automatik.

Lampu akan menyala selepas pergerakan dikesan dalam lingkungan kawasan 1-4 meter daripada sensor di kawasan gelap dan akan tutup semula secara automatik selepas 7 minit menyala.



Penggunaan elektrik adalah amat minimal dan sangat efektif dalam penjimatan tenaga elektrik.

Penggunaan Lampu sensor pergerakan ini boleh dilihat di link youtube tersebut

<https://www.youtube.com/watch?v=L2RriedF59w> & “QR code”



GOTONG-ROYONG EKSA BILANGAN 2/2022



Diadakan sempena Audit Dalam Ekسا



GOTONG-ROYONG EKSA BILANGAN 2/2022

GOTONG-ROYONG EKSA Bil 2 2022 telah diadakan pada 17 November 2022. Gotong-royong ini diadakan bertujuan bagi persediaan menghadapi Audit Dalam EKSA. Gotong-royong ini juga diadakan bagi memupuk semangat kerjasama diantara kakitangan PMBS dan menyemaikan semangat pembudayaan EKSA di PMBS. Selain itu, gotong-royong ini juga membantu pihak pengurusan untuk mengenalpasti kerosakan, kehilangan dan penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi memastikan keselesaan warganya.



**KEADAAN
SEMASA
TAKLIMAT
DARI
INDUK EKSA
POLITEKNIK METRO
BETONG SARAWAK
DIJALANAKAN
SEBELUM
SEMUA STAFF
BERMULA**

**TAKLIMAT
DARI
PEGAWAI
INDUK
EKSA
SEDANG
YANG
BERLANSUNG**

GOTONG-ROYONG EKSA

SETELAH menerima taklimat keseluruhan yang jelas, Staff PMBS bermula untuk melaksanakan Gotong royong dan serta merta akan mengenal-pasti kerosakan, kehilangan dan penambahbaikan yang boleh dilakukan semasa aktiviti tersebut.



Pengarah PMBS ENCIK SUHAILI BIN ALEH juga turut serta dalam melaksanakan aktiviti gotong royong.



Masing-masing melaksanakan EKSA di Kawasan yang telah ditekankan.


MESYUARAT PEMBUKAAN & PENUTUPAN AUDIT EKSA BIL 2 2022

29 NOVEMBER 2022 - 01 DISEMBER 2022

Audit EKSA PMBS telah dijalankan pada tarikh : 29 November 2022 - 01 Disember 2022.



Ahli Jawatankuasa audit EKSA berkumpul pada pembukaan AUDIT DALAMAN EKSA.



PENEMUAN PENAMBAHBAIKAN

CONTOH-CONTOH HASIL PENEMUAN

ARAS BAWAH – BILIK PENGARAH Zon A

SEBELUM - Peralatan tidak sesuai diletakkan di dalam bilik pegawai.



SELEPAS - Peralatan telah dikeluarkan dan disimpan di tempat yang sepatutnya.



ARAS BAWAH – RUANG KERJA PENTADBIRAN

SEBELUM - Kotak diletakkan di atas almari besi tanpa berlabel.



SELEPAS - Kotak telah diletakkan di tempat yang sesuai.



CONTOH-CONTOH HASIL PENEMUAN

ARAS BAWAH – STOR ZON A

SEBELUM - Peralatan tidak disusun dengan kemas dan teratur.



SELEPAS - Peralatan telah disusun, teratur dan telah dilabelkan.



ARAS BAWAH – KOPERASI ZON B

SEBELUM - Printer dan CPU tidak dilabel.




SELEPAS-Dilabelkan "*Under Maintenance*."



CONTOH-CONTOH HASIL PENEMUAN

ARAS BAWAH – BILIK KULIAH 3 ZON B

SEBELUM - Kedudukan meja tidak sama seperti pelan lantai.



SELEPAS - Meja telah disusun mengikut pelan lantai yang disediakan.

RUJUKAN

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) (2015). Panduan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Retrieved from

<https://www.pmba.edu.my/v3/index.php/muat-turun/penerbitan/category/22-e-bulletin?download=127:e-buletin-eksa-edisi-ke-3>





Politeknik METrO Betong Sarawak
1-12, Fasa 2, Bandar Baru Betong,
Jalan Baru Betong,
95700 Betong, Sarawak

 <https://www.pmbs.edu.my/v3/>

 Politeknik METrO Betong Sarawak

 adminpmbs@pmbs.edu.my

 [politeknikmetrobetongsarawak](#)

 PolyMETrO Betong Sarawak

 083-472676

 083-472991

eISSN 2948-3840

